

12 JUN 2003

Taib-Air/I

LEBIH 90 PERATUS PENDUDUK S'WAK DAPAT BEKALAN AIR BERSIH

KUCHING, 12 Jun (Bernama) -- Lebih 90 peratus penduduk Sarawak telah menerima bekalan air bersih dan disuling, kata Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud.

"Usaha-usaha yang sedang dijalankan memastikan penduduk yang lain menerima kemudahan yang sama," kata beliau kepada media selepas menghadiri seminar mengenai pemikiran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang bertemakan "Di balik tabir Kegemilangan" anjuran Universiti Teknologi Mara (UiTM) di sini.

Beliau berkata pemasangan batang paip untuk bekalan air bersih telah diperluaskan ke empat kampung di Pulau Bruit dekat r Sarikei.

"Kampung-kampung yang lain terletak berselerak kira-kira 48 kilometer dari kawasan ini juga akan menikmati kemudahan serupa apabila projek bernilai RM45 juta itu siap dalam masa dua tahun," kata beliau.

Usaha yang dilaksanakan oleh Jabatan Perubatan Kesihatan negeri untuk membekalkan air suling kepada penduduk luar bandar akan terus dijalankan, katanya ketika ditanya mengenai kenyataan Dr Mahathir bahawa kerajaan-kerajaan negeri telah diminta mengkaji semula sama ada mereka mahu terus bertanggungjawab bagi bekalan air memandangkan mereka tidak mampu dari segi kewangan.

Beliau berkata kerajaan berusaha sedaya upaya untuk membekalkan bekalan air kepada penduduk di bahagian pedalaman Sarawak.

"Keadaan di sini berlainan dan oleh itu kita mahu pastikan orang ramai mendapat bekalan air bersih menerusi kaedah lain, katanya.

Mengenai seminar itu, beliau mahukan rakyat negara ini mempelajari ciri-ciri penting kepimpinan Dr Mahathir selama 23 tahun sebagai perdana menteri seperti tidak bergantung kepada orang lain, berkeyakinan dan mempraktikkan etika kerja yang sistematik.

Katanya masih banyak lagi yang perlu dipelajari oleh rakyat Malaysia daripada Dr Mahathir.

Abdul Taib melahirkan keyakinan bahawa Dr Mahathir telah meletakkan landasan kukuh untuk membawa negara mencapai status negara maju pada tahun 2020.

-- BERNAMA

FLL BK RON